Soalan 31 hingga 35

Baca surat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

21, Jalan Perdana 8,
Taman Pulai Perdana,
81110 Johor Baharu,
Johor.

08 October 2013

Menemui sahabatku Aina yang berada di Gurun, Kedah semoga sihat hendaknya.

Saudari,

Terima kasih saya ucapankan kerana mengirim surat kepada saya. Surat saudari telah saya terima seminggu yang lalu. Saya amat tertarik mendengar cerita percutian saudari di Pulau Pangkor.

Pada cuti sekolah yang lalu, sekolah saya telah mengadakan lawatan ke Terengganu. Saya dan rakan-rakan berpeluang menyertai lawatan tersebut. Kami berada di sana selama empat hari tiga malam. Kami menginap di hotel yang telah ditempah oleh pihak sekolah.

Semasa berada di sana banyak tempat yang kami lawati seperti Rantau Abang, Air Terjun Sekayu, Masjid Negeri. Kami juga berpeluang melihat perusahaan membuat batik dan tembaga.

Sebelum pulang, kami sempat membeli cenderamata sebagai buah tangan untuk keluarga. Saya berasa seronok dapat melawat Terengganu.

Setakat ini sahaja yang dapat saya ceritakan. Salam daripada saya khas untuk saudari sekeluarga.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu;
Fatin Azura

31. Di manakah Aina tinggal?
    A. Johor Baharu
    B. Gurun
    C. Terengganu
    D. Sungai Petani

LIVEWORKSHEETS

32. Bilakah Fatin Azura menerima surat Aina?
    A. Seminggu yang lalu
    B. Empat hari yang lalu
    C. Tiga hari yang lalu
    D. Sebulan yang lalu

33. Perkataan **menginap** dalam petikan di atas bermaksud
    A. Sewa
    B. Tinggal
    C. Berehat
    D. Berkumpul

34. Berikut merupakan tempat yang dilawati oleh rombongan tersebut **kecuali**
    A. Tempat perusahaan batik
    B. Rantau Abang
    C. Air terjun Sekayu
    D. Batu Rakit

35. Apakah yang dibawa pulang oleh penulis dari Terengganu?
    A. Telur penyu
    B. Kain batik
    C. Cenderamata
    D. Keropok lekor

LIVEWORKSHEETS

Soalan 36 hingga soalan 40

Baca iklan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan berikut.

LAWATAN KE HUTAN LIPUR GUA NIAH

Kelab Kembara Sekolah Kebangsaan Nanga Entalau akan mengadakan lawatan ke Hutan Lipur Gua Niah. Maklumat tentang aktiviti tersebut adalah seperti yang berikut :

Tarikh	: 12 Oktober 2013
Hari	: Sabtu
Masa bertolak	: 8.00 pagi
Tempat berkumpul	: Dewan Terbuka Sekolah Kebangsaan Nanga Entalau
Aktiviti	: Membersihkan kawasan sekitar serta mengenal pasti tumbuh-tumbuhan dan kegunaannya.

Ahli-ahli yang berminat, sila daftarkan nama kepada Encik Mohd Hamizan bin Harsidi berserta dengan bayaran tambang sebanyak RM 30.00 sebelum 7 Oktober 2013.

36. Siapakah yang menganjurkan lawatan ini?
    A. Ahli-ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Nanga Entalau
    B. Warga Sekolah Kebangsaan Nanga Entalau
    C. Kelab Kembara Sekolah Kebangsaan Nanga Entalau
    D. Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sekolah Kebangsaan Nanga Entalau.

37. Bilakah lawatan itu akan diadakan?
    A. 16 Oktober 2013
    B. 15 Oktober 2013
    C. 12 Oktober 2013
    D. 7 Oktober 2013

LIVEWORKSHEETS

38. Pukul berapakah rombongan itu akan bertolak?
    A. 7.00 pagi
    B. 8.00 pagi
    C. 7.30 pagi
    D. 8.15 pagi

39. Berapakah tambang bagi menyertai lawatan itu?
    A. RM 25.00
    B. RM 30.00
    C. RM 20.00
    D. RM15.00

40. Tarikh akhir pembayaran untuk menyertai lawatan itu ialah
    A. 7 Oktober 2013
    B. 12 Oktober 2013
    C. 6 Oktober 2013
    D. 13 Oktober 2013

KERTAS SOALAN TAMAT

LIVEWORKSHEETS